

Kosmo
7/10/16
mls 6

13 aktivis misi kemanusiaan Women's Boat to Gaza ditahan tentera wanita Israel

Malaysia usaha bebaskan Fauziah

KUALA LUMPUR - Malaysia sedang berusaha ke arah pembebasan awal seorang rakyat Malaysia yang dilaporkan antara 13 orang aktivis misi kemanusiaan Women's Boat to Gaza (WBG) yang ditahan di dalam kapal Zaytouna-Oliva oleh pihak berkuasa Israel malam kelmarin.

Kementerian Luar dalam kenyataan semalam memberitahu, pihaknya sedang memantau perkembangan mengenai penahanan itu termasuk berhubung dengan beberapa pihak bagi memastikan keselamatan rakyat Malaysia terlibat.

Rakyat negara ini yang berada di atas kapal itu ialah Dr. Fauziah Mohd. Hasan, 59.

Fauziah bersama aktivis misi kemanusiaan WBG menggunakan jalan laut setelah Israel menutup dan mengepung laluan darat ke Gaza dari sempadan Mesir-Gaza di Rafah.

Delegasi wanita itu turut disertai wakil dari Norway, Algeria, Amerika Syarikat, Sweden, Rusia, England, Afrika Selatan, Sepanyol, Ireland, New Zealand dan Australia.

Pelayaran mereka bermula pada 14 September lalu dari Pelabuhan Vell,



FAUZIAH (tiga dari kanan) bergambar bersama beberapa aktivis yang terlibat dalam misi kemanusiaan WBG.

Barcelona, Sepanyol dan berhenti di Ajaccio, Perancis bagi pusingan pertama pada 19 September lalu sebelum meneruskan perjalanan ke Messina, Itali bagi pusingan kedua sebelum ditahan kelmarin.



FAUZIAH

Sementara itu, Pertubuhan Humanitarian Care Malaysia (MyCare) pula mendesak Israel membebaskan kesemua aktivis dan kru kapal tersebut.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah MyCare, Prof. Madya Dr. Hafidzi Mohd. Noor berkata, penahanan itu tidak wajar memandangkan rombongan misi itu datang ke Gaza secara aman tanpa sebarang senjata.



KAPAL Zaytouna-Oliva yang dinaiki 13 orang aktivis kemanusiaan ditahan di Pelabuhan Ashdod, Israel.

"Mereka datang dengan tujuan membawa mesej solidariti dan tindakan Israel menghalang kapal itu memasuki perairan antarabangsa jelas mencabuli undang-undang maritim antarabangsa," katanya



INFO Biodata Dr. Fauziah Mohd. Hasan

- Merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyCare
- Menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dari Universiti of Tasmania, Australia pada tahun 1982
- Memegang jawatan Bendahari Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy) dari 2000 hingga 2006
- Memegang jawatan Timbalan Pengerusi Aqsa Syarif dari tahun 2010 hingga sekarang
- Mengambil bahagian dalam pelbagai misi kemanusiaan antaranya di Kosovo (1999), Indonesia (2000), Afghanistan (2001, 2002, 2003), Aceh (2005), Pakistan (2005) dan Gaza (2008, 2012)
- Merupakan penasihat Rose2Rose, sebuah agensi di bawah MyCare yang memberi fokus memperkasakan wanita dan kanak-kanak Palestin, Syria dan Rohingya
- Berkhidmat sebagai doktor pakar di Hospital Ampang Puteri, Kuala Lumpur sejak 1997

tang waktu tempatan (9.58 malam waktu Malaysia).

MyCare mengesahkan kapal itu kemudian ditunda tentera Israel ke Pelabuhan Ashdod sebelum ditempatkan di pusat tahanan berdekatan Lapangan Terbang Ben Gurion.

Hafidzi berkata, MyCare menyeru kerajaan Malaysia selaku Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu agar membawa usul tergegar bagi mengecam tindakan Israel merampas kapal Zaytouna-Oliva secara haram di perairan antarabangsa.

Pada perkembangan terkini, laman Facebook Rose2Rose memaklumkan, dua aktivis iaitu wartawan Al-Jazeera dari United Kingdom, England, Mina

pada sidang akhbar di Serdang dekat sini semalam.

Tentera wanita Israel menahan kapal itu beserta tiga anak kapal dan 10 aktivis wanita termasuk wakil tunggal Malaysia, Fauziah pada pukul 2.58 pe-

Harballou dan jurukamera Al-Jazeera dari Rusia, Hoda Rakhme telah dibebaskan.

Pun begitu, Fauziah masih ditahan di pusat tahanan berhampiran lapangan terbang Ben Gurion, Tel Aviv.